

PENUTUP

1. Berdasarkan pengauditan yang telah dijalankan, terdapat keperluan penambahbaikan berterusan oleh syarikat Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pelaksanaan aktiviti selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Kelestarian perniagaan syarikat Kerajaan hendaklah dilengkapi dengan amalan tadbir urus yang baik bagi memastikan wujudnya keyakinan pihak awam.
2. Ketua Pegawai Eksekutif serta pengurusan syarikat perlu memantapkan kawalan dalaman secara menyeluruh memandangkan pengauditan dilaksanakan berdasarkan skop dan pensampelan. Justeru itu, tindakan penambahbaikan selepas teguran Audit perlu diambil secara berterusan. Langkah ini penting bagi memastikan syarikat mendapat nilai faedah terbaik.
3. Lembaga Pengarah syarikat perlu lebih proaktif memantau pencapaian syarikat dan pelaksanaan tadbir urus korporat yang baik dalam pengurusan syarikat. Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam syarikat pula perlu meningkatkan peranan dalam memastikan semak dan imbang dilaksanakan secara menyeluruh.
4. Selain itu, kementerian/agensi yang merupakan pemegang saham kepada syarikat obligasi awam yang ditetapkan hendaklah memantau aktiviti syarikat secara berkala. Hal ini bagi memastikan kelestarian jangka panjang syarikat dan Kerajaan mendapat pulangan daripada pelaburan yang dibuat. Pemantauan yang berkesan dapat membantu syarikat lebih berdaya saing, mencapai sasaran dan mematuhi prinsip tanpa kebergantungan kepada Kerajaan.
5. Selain memenuhi kehendak perundangan, diharap laporan ini dapat dijadikan rujukan untuk memantapkan integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan syarikat Kerajaan. Laporan ini juga penting dalam menyokong usaha Kerajaan yang menekankan konsep Malaysia Madani berfokus kepada tata kelola yang baik.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
17 Oktober 2023**